

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS  
TANGAU [ TUARAN ]**

**SOALAN NO. 252**

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) apakah perancangan Kementerian bagi Institut Pengajian Guru di Sabah yang sebelum ini diwar-warkan akan ditutup; dan
- b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bilangan guru-guru mencukupi bagi pembelajaran Bahasa Kadazandusun di Sabah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa kerajaan terdahulu dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017 telah bersetuju bahawa sembilan Institut Pendidikan Guru (IPG) ditukar fungsi kepada institusi latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). Walau bagaimanapun, keputusan tersebut telah diteliti semula dan kesemua sembilan (9) IPG terbabit telah dicadangkan untuk diwujudkan secara bersama (*co-exist*) dengan institusi TVET. Fungsi utama Sembilan (9) IPG ini adalah sebagai pusat Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) bagi guru dalam perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kesemua IPG ini masih boleh melaksanakan latihan guru praperkhidmatan.

Satu kertas cadangan Pewujudan Bersama (*Co-exist*) sedang dalam proses untuk diangkat bagi mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri.

- b) Menyentuh tentang bekalan guru bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun, dimaklumkan bahawa urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) selaku pihak berkuasa melantik berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.

Bagi tahun 2019, seramai 21 orang graduan di bawah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) opsyen Bahasa Kadazandusun telah dilantik oleh SPP dan telah ditempatkan di sekolah pada 22 Januari 2019. Untuk makluman, pada ketika ini seramai 102 orang calon guru sedang mengikut latihan di IPG bagi opsyen Bahasa Kadazandusun.

RT34/250